

BAB 3

KONSEP REZEKI DAN BERKAT DALAM PERNIAGAAN MENJUAL MAKANAN

Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan persoalan konsep rezeki dan berkat dalam perniagaan menjual makanan di USJ, Subang Jaya. Dalam kehidupan orang-orang Melayu mereka sentiasa dibelenggu oleh beberapa pengertian nilai yang berkait rapat dengan moraliti, bagi menjalankan sesuatu pekerjaan lebih-lebih lagi dalam urusan perniagaan dan perdagangan yang dijalankan. Sesuatu pekerjaan atau perbuatan yang dilakukan oleh insan Melayu sering diusahakan berlandaskan nilai-nilai yang difikirkan betul, diterima pakai, diakui oleh semua ahli masyarakat mengikut konteks budaya Melayu. Menurut informan-informan yang ditemui, mereka beranggapan bahawa sekiranya pekerjaan yang dilakukan bersalah atau bertentangan dengan dengan nilai atau moraliti budaya Melayu, dianggap sebagai satu langkah yang akan membinasakan kehidupan yang mereka ceburi. Akibat daripada perlakuan itu mereka akan mendapat pembalasan sama ada di dunia ataupun di akhirat. Sehubungan dengan itu masyarakat mula mencipta satu garis panduan atau konsep yang menjadi pegangan dan pedoman bagi melaksanakan pelbagai

aktiviti lebih-lebih lagi yang melibatkan sistem ekonomi kerana sumber pendapatan yang diperolehi mestilah datangnya dari sumber yang halal dan tidak bertentangan dengan nilai-nilai agama Islam. Konsep-konsep rezeki dan nasib, berkat dan riba serta malu telah dianggap sebagai konsep-konsep dari al-Quran yang teguh di sebalik kegiatan ekonomi yang diceburi oleh manusia Melayu. Kesemua konsep yang disenaraikan bagaikan satu titik tolak dalam menentukan moraliti masyarakat Melayu tambahan lagi ia menyentuh soal-soal keagamaan dan adat resam yang menjadi sensitiviti bagi orang-orang Melayu. Penguasaan sistem nilai yang mendukung orang-orang Melayu ditentukan oleh pandangan dunia Islam di mana nilai-nilai dalam agama Islam itu dipegang sebagai satu ketetapan yang hakiki namun adat kebudayaan bangsa Melayu yang diwarisi itu tidak bersalah akan terus diamalkan.

3.1 Konsep Rezeki Dalam Pemikiran Melayu

Konsep rezeki seperti yang dibincangkan dalam bab satu, dipercayai mempunyai kaitan langsung dengan nasib yang diterima oleh seseorang. Peniaga-peniaga Melayu sering menyangkakan bahawa setiap sen pendapatan yang diperoleh adalah rezeki yang sudah ditentukan oleh Allah terhadap mereka dan itulah nasib yang ditakdirkan ke atas mereka berdasarkan kepada rukun Iman yang terakhir iaitu qada' dan qadar. Dari fahaman ini melahirkan konsep 'rezeki secupak tidak akan jadi segantang' yang seterusnya menyelubungi pemikiran masyarakat Melayu. Nilai yang dipegang ini secara langsungnya menjadi kekangan utama yang menyekat kemajuan orang-orang Melayu yang sukar memahami pengertian sebenar

qada' dan qadar kerana dalam al-Quran juga menyeru umat manusia berusaha kerana Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum itu kecuali kaum itu sendiri yang mengubahnya. Fahaman dari konsep rezeki secupak tidak akan jadi segantang sekali gus memundurkan masyarakat peniaga yang bersaing dengan peniaga bangsa lain yang tidak berpegang pada mana-mana konsep rezeki seumpama ini. Konsep rezeki secupak tidak akan jadi segantang ini menyebabkan peniaga-peniaga Melayu jauh ketinggalan di belakang. Michael G. Swift (1965) dalam bukunya, **Malay Peasant Society in Jelebu**, dengan kajiannya terhadap masyarakat petani di Jelebu, Negeri Sembilan ada menyatakan bahawa :

" seseorang yang tidak beroleh kejayaan sebagaimana yang dicapai oleh jiran-jirannya tidak akan merasa bahawa ia adalah seorang yang kurang berusaha atau kurang kebolehan tetapi ialah kerana ia mempunyai rezeki."

Swift dalam pernyataan ini cuba menerangkan bahawa dalam pemikiran orang-orang Melayu telah dipengaruhi dengan konsep rezeki manusia yang amat bergantung pada nasib yang ditentukan ke atasnya. Pemahaman sedemikian merupakan satu faktor penghalang utama yang menyebabkan kurangnya daya usaha mereka untuk memperoleh rezeki yang melimpah ruah atau mendapat kekayaan kerana membayangkan harta dan pendapatan adalah suatu nasib atau takdir. Fahaman atau persepsi masyarakat Melayu Islam ini memberi peluang kepada penganalisis barat membuat tohmahan dan hipotesis yang sumbang lagi tidak adil terhadap ajaran Islam seterusnya meletakkan agama sebagai punca sebenar kemunduran orang-orang Melayu.

Menurut Wan Abdul Kadir (1993), konsep nasib dan rezeki itu bukan sahaja dibina berlandaskan kepada nilai Islam, malahan konsep ini diterangkan sebagai *world-view* yang dibina adalah berbeza antara satu masyarakat dengan masyarakat lain. Interpretasi yang berbeza-beza memberikan akal fikiran untuk mengikhtiaran sesuatu. Beliau juga berpendapat apabila melakukan kegiatan cari makan juga dikehendaki berserah kepada nasib dan rezeki. Ini merupakan suatu pegangan yang penting bagi orang-orang Islam, Walaupun pernah dikemukakan bahawa nasib dan rezeki itu boleh membawa kesan-kesan yang negatif kepada kegiatan ekonomi orang-orang Melayu. Tetapi kita melihat kepada konteks penggunaannya dengan terdapatnya pegangan kepada konsep nasib dan rezeki inilah yang memberi kekuatan orang Melayu untuk bekerja lebih keras dan terus berusaha. Apabila melakukan ikhtiar tetapi juga tidak berjaya maka itu membolehkan mereka berserah kepada nasib sebagaimana yang telah ditentukan oleh Tuhan yang mahakuasa (1993 : 7).

Swift (1965) menyatakan bahawa seseorang tidak beroleh kejayaan sebagaimana yang telah dicapai oleh jiran-jirannya, tidak akan merasa bahawa ia adalah seseorang yang kurang usaha atau kurang kebolehan tetapi ialah kerana ia tidak mempunyai 'rezeki'. Seorang yang membuka kedai kecil atau mencuba tanaman baru telah tidak menemui kejayaan dalam usaha-usahanya itu juga tidak mempunyai 'rezeki'. Lain-lain pernyataan meluasnya dipengaruh pandangan sebegini. Juga dapat dilihat dari segi kata-kata seperti kadar rezeki sudah secupak, takkan boleh jadi segantang, Swift juga mengkritik isi kandungan khutbah Jumaat yang didengarnya dan membuat kesimpulan

bahawa sebahagian daripada penganut Islam di Jelebu memberi perhatian perhatian berat sekali terhadap aktiviti-aktiviti keduniaan yang dapat memperbaiki taraf penghidupan material mereka. Golongan ini berpendapat harta benda dan wang ringgit adalah 'daki dunia' dan menganggap dunia ini untuk orang-orang kafir sahaja malahan dunia ini tempat persinggahan semata-mata dalam perjalanan ke akhirat.

Konsep rezeki yang dipercayai orang-orang Melayu dilihat sebagai perkara yang bertindan-tindih dengan ajaran Islam dan sifat kurang bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu pekerjaan yang akhirnya menempatkan masyarakat Melayu sebagai bangsa yang lemah, mudah dan terlalu mudah menyalahkan nasib dan rezeki yang ditentukan ke atas mereka.

3.1.1 Konsep Rezeki Dalam Perniagaan Melayu

Orang-orang yang telah melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi moden seperti menjalankan perniagaan dan perdagangan secara komersial hari ini mengalami banyak perubahan minda dan mengalami anjakan paradigma mengikut kesesuaian zaman. Namun konsep-konsep tradisi seperti rezeki masih lagi menjadi satu sub penting dalam sesbuah agenda perniagaan.

Masyarakat peniaga Melayu yang terlibat dalam perniagaan makanan di kawasan kajian meletakkan konsep rezeki sebagai satu angkubah yang begitu penting dalam perniagaan mereka. Menurut Encik Hassan, pemilik Restoran Hassan Ayam Kampung menyatakan nasib dan rezeki seseorang sememangnya bergantung kepada ketetapan qada' dan qadar yang

ditentukan oleh Allah namun dalam perniagaan menjual makanan yang diceburinya sejak satu dekad yang lalu, membuatkan beliau percaya pada rezeki dan nasib yang akan berubah setelah melakukan pelbagai usaha, ikhtiar dan ketekunannya yang utuh dalam menghadapi pelbagai cabaran dalam perniagaan. Pada peringkat awalnya, beliau hanyalah seorang pekerja kemudiannya dinaik taraf sebagai tukang masak di sebuah restoran masakan Padang yang terkenal di Kota Bharu. Beliau mengatakan bahawa dia sering terfikir akan nasibnya yang masih tidak berubah, rezekinya tidak berubah lalu mengambil keputusan untuk mencari rezeki di Kuala Lumpur. Beliau berpendapat penghijrahan yang hanya berbekalkan sedikit wang simpanan itu akan membuka lembaran dalam hidupnya sebagai seorang peniaga dan gigih menjalankan perniagaan walaupun pada masa itu hanyalah sebuah operasi perniagaan 'gerai hantu' yang terpaksa mengalami pelbagai rintangan dengan pihak penguatkuasa perbandaran. Ketekunan dan kesabaran baginya banyak memberi makna dalam perniagaan kerana itulah punca rezekinya yang sebenar. Beliau yakin dengan sepotong ayat al-Quran yang dari surah al-Jumaat yang bermaksud, *selepas (menunaikan solat Jumaat) carilah kamu rezeki yang bertebaran di muka bumi ini* yang memberi makna kerana terbukti bahawa agama Islam mendorong dan menggesa umatnya merebut rezeki yang disediakan oleh Allah di muka bumi ini hanya manusia itu sendiri mesti berusaha dan gigih mendapatkannya.

Rezeki itu akan datang mencurah sekira adanya ikhtiar. Encik Hassan berpendapat demikian kerana beliau cuba mengembangkan sayap perniagaannya di premis yang lebih besar dengan berkongsi modal bersama

seorang peniaga Melayu lain. Walaupun beliau hanya dibenarkan melabur hanya suku daripada modal dan diminta bekerja serta menjaga pengurusan perniagaa di premis Taipan, USJ (1995) namun beliau tidak pernah tamak dan bekerja bersungguh-sungguh untuk mendapatkan kepercayaan rakan kongsinya itu dan rezekinya akan bertambah banyak suatu hari sekiranya dia tekun, sabar dan ikhlas dalam menjalankan perniagaan. Lagipun perniagaan di Taipan yang diuruskan seperti miliknya secara total dan tidak pernah menganggapkan ianya sebagai satu perkongsian yang terpaksa diagih keuntungannya kepada rakan kongsi yang jauh lebih banyak sumbangan modalnya. Terbukti beliau dapat memajukan perniagaan restoran makanan Padang walaupun ketika itu bersaing hebat dengan sebuah restoran eksklusif Temasek yang premisnya berada di seberang jalan restorannya.

Menurut Encik Hassan, cita-cita itu adalah penting untuk menentukan nasib dan rezeki dalam perniagaan. Tanpa cita-cita untuk mengembangkan perniagaan selagi itulah nasib tidak akan berubah dan rezeki tidak akan bertambah. Beliau telah menyuarakan hasratnya untuk menambah jumlah syernya dalam perniagaan dan telah dipersetujui oleh rakan kongsinya, dalam masa yang sama beliau telah membantu rakan kongsinya membuka sebuah lagi cawangan di Kajang. Cita-cita tidak akan tercapai sekiranya tidak dapat menjadi pemilik perniagaan yang dimajukan itu. Beliau terus gigih bekerja dan mengumpul wang dengan cita-cita ingin memiliki perniagaan itu. Setelah usia perniagaannya di Taipan USJ 10 mencecah dua tahun, beliau memberanikan diri untuk menyatakan niatnya untuk membeli kesemua syer dalam perniagaan diusahakannya. Dari kegigihan, ketekunan dan

kesabarannya menghadapi pelbagai masalah akhirnya nasib menyebelahinya. Beliau berjaya memiliki sepenuhnya perniagaan itu dan ternyata baginya rezeki yang diperoleh adalah hasil daripada titik peluhnya dan Allah telah memakbulkan cita-citanya kerana beliau banyak berusaha ke arah itu. Konsep rezeki secupak tidak akan jadi segantang baginya satu fahaman yang adil kerana sesuatu rezeki itu tidak akan bertambah tanpa adanya usaha untuk meningkatkannya dari secupak ke segantang. Beliau juga berpendapat kurniaan ini adalah hak Allah yang sentiasa membuatkan dirinya bersyukur dan tidak lupa membayar zakat perniagaannya setiap tahun untuk menyuburkan lagi rezekinya kerana rezeki diibaratkan sebatang pohon yang perlu dicantas dan dibela bagi menjaga kesuburannya, zakat yang dikeluarkan sebanyak RM 70,000 setahun (dikeluarkan setiap bulan Ramadhan) dikatakan banyak mempengaruhi rezeki yang diperolehnya. Kini hasil daripada keberkatan rezeki yang diperolehnya, Encik Hassan berjaya membuka beberapa cawangan di Kampung Baru dan Cheras, Kuala Lumpur.

Pengusaha Restoran Endang 1, Siti Fatimah Saad, 51, menyatakan bahawa rezeki adalah kurniaan Allah dan manusia perlu berusaha sedaya upaya dan bekerja bersungguh-sungguh untuk mendapatkannya. Beliau pada asalnya merupakan seorang guru masakan di bawah naungan KEMAS di kampungnya, telah berhijrah ke Kuala Lumpur bersama adiknya untuk menjaga anak-anak buahnya di mana pada mulanya melakukan kerja-kerja rumah seperti suri rumah yang lain tetapi setelah anak-anak buahnya meningkat dewasa, beliau merasakan perlu menjalankan satu aktiviti yang berfaedah yang akan menampung kehidupannya pada masa tua

memandangkan beliau tidak mempunyai keluarga sendiri. Beliau percaya dengan membuka perniagaan kedai makanan, beliau akan beroleh kejayaan memandangkan pengalamannya sebagai guru masakan KEMAS tidak lama dahulu. Adik iparnya, salah seorang bekas yang Dipertua Majlis Perbadaran Petaling Jaya telah menunaikan hajatnya dengan memberikan sejumlah modal untuk membuka perniagaan makanan dan berkeyakinan bahawa rezeki yang diperolehinya adalah keberkatan menjaga dan jujur mengendalikan restoran yang diamanahkan oleh iparnya. Pada awal pembukaan (1995, seangkatan dengan Restoran Hassan) Kak Timah menguruskan restoran seorang diri tetapi disebabkan beberapa kekangan seperti pengurusan dan pentadbiran di mana beliau kurang kuasai, persaingan sengit yang dihadapi dengan beberapa buah restoran lain adalah difikirkan beliau perlu berbuat sesuatu untuk menggandakan rezeki yang ada lagipun menurutnya, 'rezeki tak datang menggolek tuah tak datang melayang' tetapi ikhtiar itu lebih utama untuk mengembangkan perniagaan. Dengan ikhtiar, beliau mencadangkan agar pengurusan dan pentadbiran restoran mesti dikendalikan oleh orang yang lebih pakar manakala beliau boleh menumpukan perhatian terhadap kerja-kerja dapur sahaja. Sehubungan itu, iparnya telah membawa Encik Pakhlam dari Johor untuk mengambil alih tentang pengurusan kedai dan pekerja. Pakatan dan kerjasama yang digabungkan antara Kak Timah dan Encik Pakhlam ternyata membawa hasil yang lumayan kerana restoran itu berjaya menarik lebih ramai pelanggan dengan pelbagai jenis makanan. Menurutnya lagi, restoran itu dikunjungi oleh pelbagai bangsa terutamanya Cina. Kak Timah juga berpendapat penghususan dalam sesuatu bidang itu adalah amat

penting untuk menjayakan sesbuah perniagaan kerana tanpa pengkhususan seperti memasak dan menguruskan hal kewangan ataupun kebajikan pekerja sesbuah perniagaan makanan tidak akan maju kerana tiada kemahiran tentang sesuatu yan dikerjakan akan mempengaruhi pulangan, dengan kata lain rezeki tidak akan bertambah sekiranya gagal menguasai pekerjaan itu. Setelah Encik Pakhlam memulakan perniagaannya sendiri pada tahun 2000, salah seorang anak saudaranya telah menjaga bahagian kewangan.

Pakhlam bin Kalib tuan punya Restoran Endang 2 mempunyai pandangan yang tersendiri dalam memperkatakan tentang rezeki dan nasib dalam perniagaan. Beliau amat percaya terdapat beberapa faktor yang menjadi prinsipnya dalam perniagaan yang banyak memangkinkan pendapatannya. Pertama, PR atau 'public relation' yang perlu dijaga untuk menambat hati pelanggan dari mengikat pelanggan supaya tidak lari. Kedua, bekerja bersama-sama terutamanya dalam hal masak-memasak (taukeh turun padang) kerana dengan menguasai bahagian itu, kesulitan hal tukang masak lari dapat segera diatasi. Ketiga, disiplin diri yang tinggi di mana sanggup mengalami kerugian dalam masa yang percubaan dan peraturan masa kerja yang tidak tetap dari subuh hingga lewat malam. Keempat, ketelusan hati sebagai peniaga yang sekali-kali tidak menipu pelanggan dan bertimbang rasa terhadap semua jenis pelanggan kerana pelanggan yang datang adalah pelbagai dari semua lapisan. Kesemua faktor tersebut merupakan tunggak utama dalam menimba rezeki yang halal dan diredhai Allah kerana rezeki itu adalah datangnya daripada tuhan dan hanyaNya yang akan mengagih-agihkan rezeki yang melimpah kepada orang-orang yang berusaha mendapatkannya

dengan cara yang halal tidak menipu dan menganiaya pelanggan. Encik Pakhlan menyatakan bahawa beliau tidak mudah menyerah kepada nasib kerana beliau hanya berkelulusan LCE dan pernah menjadi seorang guru agama di salah sebuah sekolah agama di Johor boleh berubah menjadi seorang pengusaha restoran semata-mata untuk menambahkan rezeki dan tanggapannya bermula memberinya peluang untuk menjadi kaya. Menurutnya lagi, rezeki itu boleh terserah pada diri sendiri untuk mencoraknya sebagaimana yang kita mahu asalkan berusaha untuk mendapatkannya walaupun terpaksa berkorban. Beliau pernah menjadi tukang masak di salah Hotel Malaysia di Johor Bharu sekitar tahun 1970-an sebelum memulakan perniagaannya sendiri.

Encik Pakhlan memulakan perniagaan di Skudai Kiri kemudiannya berpindah ke Air Hitam di mana beliau berpendapat berhijrah itu adalah satu keperluan dalam perniagaan untuk menambah rezeki. Beliau sentiasa mencari peluang terbaik bagi mengembangkan sayap perniagaannya. Pada tahun 1995 beliau telah berhijrah ke Kuala Lumpur untuk membantu rakannya yang baru memulakan perniagaan (ipar Kak Timah) dengan menjadi pengurus Restoran Endang 1 di USJ 10, Subang Jaya. Pengalamannya semasa mengendalikan Restoran Endang 1 banyak membantunya dalam menguruskan Restoran Endang 2 yang dimilikinya sendiri. Beliau meninggalkan restoran itu dengan status perniagaan yang baik dan dikenali ramai. Kini perniagaannya di Restoran Endang 2 juga dalam status yang baik kerana berkat usahanya yang berani mencuba untuk mendapatkan yang terbaik. Nasibnya juga berubah dengan penghijrahannya ke Kuala Lumpur yang sememangnya terkenal

sebagai pusat kemajuan ekonomi dan sosial yang terunggul banyak membantunya berjaya sebagai seorang usahawan Melayu yang mampu bersaing dengan restoran-restoran bangsa lain di sekitar blok perniagaan USJ 9.

Bagi pemilik Restoran Nurul Huda, Khairul Baharum dan isterinya Nurul Huda Ishak konsep rezeki secupak tidak akan jadi segantang merupakan satu pendorong bagi mereka berdua kerana rata-rata masyarakat menjadikan pepatah tersebut sebagai satu fahaman yang negatif tetapi mereka menjadikannya sebagai satu pegangan yang positif iaitu bekerja dan berusaha tiga kali ganda untuk mendapatkan rezeki yang lebih. Mereka menganggapnya demikian kerana sesuatu yang sedikit berupaya menjadi lebih banyak sekiranya digandakan usaha bagi mencapai kejayaan dalam perniagaan yang mereka jalani.

Menurut Khairul Bahrum, perubahan lokasi dan pelanggan banyak membantu beliau mendapatkan rezeki yang berganda. Sebelum bermula niaga makanan di USJ 9, Subang Jaya, beliau sebenarnya telahpun memulakan perniagaan sewa pengangkutan bas di Johor yang diusahakan oleh keluarganya. Beliau mula memikirkan suatu bisnes lain setelah kerap mengunjungi restoran milik rakan-rakan beliau dan akhirnya beliau bersama-sama dengan rakan yang lain berkongsi membuka sebuah restoran. Setelah berhijrah ke Kuala Lumpur beliau sekali lagi berkongsi saham membuka Samba Café di Kelana Jaya dan sebuah cawangan lagi di USJ 8, Subang Jaya. Namun atas kepentingan untuk melipat gandakan rezeki yang diperolehi pada masa itu, beliau telah menjual sahamnya kepada rakan kongsinya lalu

membuka perniagaan sendiri untuk mencuba nasib dan baginya keuntungan yang bakal diperolehi adalah miliknya. Beliau juga berpendapat bahawa dengan cara demikian rezekinya akan bertambah dan beliau sanggup menanggung risiko kerana itu merupakan salah satu usaha untuk menambahkan rezeki tambahan lagi beliau terpaksa menanggung pembiayaan pengajian isterinya yang sedang menuntut di UIA dalam jurusan undang-undang ketika itu. Beliau memulakan perniagaan di USJ 9 dengan bercagarkan sedikit harta pemberian ayahnya serta duit simpanannya. Mengikut beliau lagi nasibnya tidak akan berubah sekiranya takut menerima risiko seperti kerugian dan persaingan kerana dua perkara tersebut lazimnya membunuh cita-cita orang Melayu untuk membuka perniagaan yang lebih besar. Menurutnya lagi, rezeki yang diberikan tuhan merupakan satu nikmat sekiranya peniaga-peniaga Melayu sanggup menggandakan usaha dan berikhtiar mendapatkan walaupun terpaksa berhijrah dan menanggung risiko kerugian pada peringkat awal perniagaan.

Khairul Baharum juga berpendapat bahawa keyakinan yang ada setelah lama mencebur perniagaan adalah satu faktor pendorong yang membolehkan kedudukan beliau setara dengan peniaga-peniaga lain yang sudah lama bertapak di kawasan itu seperti Restoran Endang 2 dan restoran-restoran mamak berhampiran. Keyakinan diri, berkongsi pengalaman dengan rakan-rakan peniaga bangsa Cina dan kesanggupan belajar daripada orang-orang yang lebih berpengalaman memberi berkat pada perniagaannya sehubungan itulah rezekinya bertambah.

Restoran Nurul Huda tidak menjalankan perniagaan pada bulan puasa oleh itu beliau terpaksa bekerja keras untuk menampung kos sewa pada masa tersebut dalam bulan-bulan lain. Restoran ditutup selama sebulan, beliau dan pekerja-pekerjanya akan menerima tempahan makanan untuk berbuka puasa yang lebih menguntungkan dan memberi banyak peluang kepada mereka untuk berehat dan mengemaskini restoran.

Beliau juga mengamalkan bacaan surah al-Fatihah sebanyak 44 kali sebaik saja memulakan perniagaan setiap subuh hari. Bacaan-bacaan seperti ini diharapkan dapat mengundang keberkatan Ilahi seterusnya membawa rezeki yang baik untuk dirinya dan keluarganya. Setiap pekerjanya akan diberikan waktu menunaikan solat secara bergilir-gilir lagipun restoran ini merupakan jiran Masjid al-Falah yang terdekat. Beliau amat yakin dengan limpahan rezeki Allah sekiranya banyak mengamalkan suruhanNya seperti jujur dengan pekerja dan pelanggan yang didampinginya.

Restoran Zarina Masakan Utara juga mengalami situasi peralihan tempat atau berhijrah untuk menambahkan rezeki. Pemilik perniagaan, Zarina yang memulakan perniagaan di Pulau Pinang telah melakukan penghijrahan ke Subang Jaya memandangkan keadaan di sini lebih strategik dan dipercayai dapat menambahkan rezekinya. Tambahan lagi, kawasan perbandaran seperti Subang Jaya ini akan menawarkan permintaan yang tinggi terutamanya di USJ 9 yang terkenal sebagai pusat perniagaan utama USJ. Pemilik restoran ini mendakwa konsep rezeki secupuk tidak akan jadi segantang adalah sesuatu yang ketinggalan zaman, beliau tidak menganggapnya sebagai satu halangan malah berikhtiar untuk memajukan perniagaan dan mencubanya di tempat

baru. Rezeki baginya adalah pemberian Allah dan manusia perlu mencarinya sebanyak mungkin tetapi mestilah dengan cara yang halal dan diredhanya.

3.1.2 Pengaruh dan Kesan Konsep Rezeki Dalam Perniagaan

Konsep rezeki yang ada kaitannya juga dengan nasib merupakan perkara tunggak kepada semua peniaga sebelum memulakan perniagaan. Nasib dan rezeki adalah ketentuan yang Maha Kuasa. Seorang manusia tidak perlu mengetahui untung nasib mereka dan jumlah rezeki yang bakal diperolehi setiap hari. Konsep rezeki 'secupah tidak akan menjadi gantang', diterima pakai oleh peniaga yang beranggapan perumpamaan itu sebagai satu garis panduan sahaja. Kesemua peniaga yang ditemui berpendapat nasib dan rezeki mereka tidak berubah sekiranya sikap bersungguh-sungguh dalam perniagaan tidak wujud. Konsep rezeki secupak tidak akan menjadi segantang merupakan sebuah konotasi yang tidak rasional dipraktikkan tanpa berfikir panjang. Ada yang megatakan bahawa konsep itu hanya sesuai kepada peniaga-peniaga yang tidak mahu berusaha memperbaiki kedudukan dan sering menyalahkan takdir. Dalil bagi mereka "*Tuhan tidak mengabdi nasib satu kaum kiranya kaum itu sendiri tidak berusaha untuk mengubahnya*".
(Surah 13, ayat 34)

Peradaban dan tamadun manusia juga tidak dilupakan mengubahkan paradigma masyarakat peniaga Melayu. Masyarakat peniaga kini hanya menjadikan konsep nasib adalah sandaran terakhir setelah gagal berusaha namun tidak melemahkan semangat mereka mencuba semula. Bertepatan dengan apa yang diriwayatkan dalam sebuah hadith yang

bermaksud "kalau kamu tawakal dengan sebenar-benamya kepada Allah s.w.t., nescaya Dia akan memberi rezeki kepada kamu sebagaimana diberiNya kepada burung yang keluar pagi dengan perut kosong dan balik dengan keadaan yang kenyang", yang maksudnya burung-burung itu berusaha mencari rezeki yang dianugerahkan oleh Tuhan dengan sebab usahanya sendiri untuk mendapatkan rezeki yang mengenyangkan perutnya.

Konsep rezeki dan mencari rezeki bagi peniaga-peniaga Melayu adalah terbatas kepada sumber-sumber yang halal dan terhindar daripada riba, penipuan dan sifat ketamakan yang tinggi. Nasib baik ataupun buruk yang menimpa seseorang peniaga adalah satu fitrah dalam kerjaya perniagaan sebagaimana individu lain kerana ia adalah hukum *karma* yang perlu disedari akan hakikatnya. Sebahagian daripada peniaga yang ditemui terdiri daripada kelompok peniaga yang sudah beberapa kali mengalami nasib yang kurang baik dalam perniagaan mereka, namun menyedari hakikat 'tidak berserah kepada nasib', mereka terus mencuba dan berjaya pada hari ini. Malahan kepercayaan terhadap qada' dan qadar jika dilihat secara total menjelaskan nasib tetapi dalam Al-Quran terdapat bayak dalil supaya manusia berusaha untuk mengubah nasibnya.

Parkinson yang beranggapan bahawa qada' dan qadar adalah satu fatalisme yang wujud dikalangan orang-orang Melayu dan ia merupakan satu kesan daripada ajaran Islam. Parkinson juga mempercayai bahawa qada' dan qadar adalah atas lahirnya sikap fatalis itu. Dari sudut pandangan pengkaji Melayu Islam, Muhd Fauzi Yaacob (1969), akidah qada dan qadar sebenarnya lanjutan daripada pengakuan akan Maha kuasa dan Maha mengetahui Tuhan,

iaitu antara sifat-sifat Tuhan yang Maha tinggi. Pengakuan ini disamping menjauhi pengikut-pengikutnya daripada rasa putus asa dan kecawa, memberi satu dasar yang nyata pada mereka untuk dijadikan pegangan dan panduan.

Dalam penyelidikan ini, didapati peniaga-peniaga Melayu memahami kehendak-kehendak agama dan meletakkan kepercayaan dalam amalan budaya Melayu seperti konsep rezeki secupak tidak akan jadi segantang sebagai satu buah fikiran yang perlu dinilai semula mengikut masyarakat dan situasi. Pada satu pandangan orang-orang yang tidak berilmu atau berinovatif, konsep ini akan memundurkan mana-mana individu kerana amat mempercayai nasibnya telah ditentukan tanpa berusaha untuk mendapatkannya. Sebaliknya bagi yang faham, alim dan arif dalam bidang perniagaan yang diceburi, konsep ini bagaikan satu harapan baru untuk berusaha bagi mendapatkan lebih keuntungan. Konsep nasib dan rezeki ini di kalangan peniaga Melayu yang ditemukan tidak lebih daripada satu konsep yang membawa pengertian bekerja bersungguh-sungguh untuk mengubah nasib baik menjadi lebih baik dan seterusnya membawa rezeki yang banyak.

Paradigma yang berubah setelah mengalami pelbagai kesulitan diikuti oleh arus pemodenan, peniaga-peniaga Melayu telah bijak membuat keputusan tanpa menjadikan telahan nasib dan rezeki sebagai satu prinsip yang wajib diikuti. Konsep nasib dan rezeki sebagaimana yang diamalkan dalam masyarakat Melayu tradisi tidak mempengaruhi pemikiran dan tindakan mereka, ia sekadar menjadi sebagai satu panduan.

Kepercayaan kepada qada' dan qadar yang menjadi rukun Iman yang keenam bagi orang-orang Islam, tidak pernah goyah dalam pemikiran

peniaga-peniaga Melayu. Qada' dan qadar yang ditetapkan oleh Allah s.w.t. dikatakan sebagai satu ketetapan setelah manusia berusaha dan satu-satunya perkara yang boleh mengubah ketetapan itu daripada berlaku ialah melalui sifat tawakal, berserah sesudah berikhtiar dan berdoa supaya usaha-usaha yang dijalankan mendapat keredhaanNya.

Hakikatnya pengertian konsep rezeki dan nasib kepada peniaga-peniaga Melayu yang mengalami perubahan paradigma ini mengemukakan beberapa perkara yang boleh mendokong konsep nasib dan rezeki. Rumusan yang dilakukan didapati faktor ikhtiar dan konsep merantau merupakan dua elemen utama ini yang boleh menentukan nasib dan rezeki peniaga Melayu.

Berikut adalah hasil dapatan kajian yang diperolehi daripada informan-informan tersebut tentang konsep rezeki yang mereka fahami dan persepsi mereka terhadap rezeki di mana konsep ini terdapat beberapa perkara yang peniaga-peniaga lakukan jauh lebih rasional untuk mengukuhkan *world view* mereka terhadap perniagaan kini.

3.1.2.1 Ikhtiar (Tidak Berserah)

Dunia perniagaan yang peniaga-peniaga di kajian didapati penuh cabaran dan dugaan memerlukan lebih banyak kecekapan, kemahiran, pengetahuan dan pengalaman bagi menentukan kejayaan. Perkara-perkara tersebut dikatakan sebagai penentu nasib dan rezeki yang bakal diperolehi oleh setiap peniaga. Namun bagi peniaga-peniaga makanan di kawasan kajian meletakkan faktor ikhtiar sebagai satu faktor yang boleh mengubah nasib mereka.

Konsep ikhtiar yang boleh didapati dari penyelidikan , bermaksud lebih kepada usaha-usaha yang dilakukan oleh peniaga dan pekerja-pekerja di kawasan kajian adalah untuk meningkatkan jumlah keuntungan dengan melakukan pelbagai usaha untuk menarik minat pelanggan supaya berkunjung ke restoran mereka. Sebagai salah satu cara ikhtiar ialah dengan mempelbagaikan jenis makanan atau bervariasi. Menu yang pelbagai adalah sebagai tarikan untuk pelanggan yang mempunyai pelbagai cita rasa. Kawasan kajian merupakan pusat perniagaan, mempunyai bilangan pelanggan yang terdiri daripada kelas bawahan, sederhana dan tinggi tertumpu di kawasan ini. Restoran yang menyediakan jenis makanan yang terhad, hanya sesuai untuk sesuatu golongan sahaja dan tidak akan menjadi tarikan. Makanan yang bervariasi dengan harga yang berpatutan adalah pendorong utama untuk melonjak jumlah jualan dan meningkatkan keuntungan. Keupayaan sesebuah restoran mendapat keuntungan yang tinggi adalah satu petanda yang menunjukkan bahawa rezekinya bertambah atau dikatakan murah rezeki.

Bagi peniaga-peniaga Melayu di kawasan kajian, konsep murah rezeki dengan erti kata keuntungan yang berganda, tidak dapat direalisasikan dalam situasi semasa tanpa wujudnya ikhtiar dari akal yang rasional serta semangat untuk bersaing. Ikhtiar lain menambahkan rezeki yang merangkumi usaha-usaha untuk mengurangkan kos seperti kos buruh, terutamanya tukang masak. Sesebuah perniagaan makanan yang kukuh, berkehendakan pemiliknya mempunyai kemahiran memasak dan berpengalaman dalam bidang tersebut. Pada peringkat awal perniagaan, kos yang banyak dilebihkan,

tugas memasak yang dilakukan oleh peniaga itu sendiri dapat mengelakkan pembaziran kos. Keuntungan yang diperolehi berganda, rezekinya bertambah. Kebolehan memasak juga dikatakan boleh mengubah nasib perniagaan kerana rata-rata peniaga akan mengalami masalah tukang masak. Dalam situasi ini, peniaga itu sendiri dapat menyelamatkan keadaan kerana pelanggan tidak suka akan perkataan 'tidak ada', setiap restoran yang dilawati mereka diharapkan dapat memenuhi selera mereka. Jika berlakunya tiada tukang masak (bagi masakan panas) pelanggan akan cepat membuat kesimpulan bahawa restoran itu adalah 'open air' kerana tidak dapat menyediakan pelbagai masakan. Keadaan-keadaan seperti ini membuatkan pelanggan tidak akan mengunjungi restoran itu lagi.

Peniaga-peniaga Melayu di kawasan kajian berpendapat sebalut fikiran dengan mengatakan nasib sesebuah perniagaan akan berubah sekiranya mereka peka kepada kehendak-kehendak pelanggan dan sentiasa berusaha untuk menarik pelanggan. Ikhtiar untuk melakukan sesuatu yang berlainan seperti menyediakan ruang 'open air' untuk membolehkan pelanggan selesa sambil menikmati makanan. Keperluan modal yang banyak tidak dapat membantu mengubah nasib dan rezeki peniaga tanpa melakukan sesuatu ikhtiar yang relevan dengan perniagaannya.

Peniaga-peniaga di kawasan kajian juga amat yakin bahawa sikap berikhtiar dan bertawakal selepas itu akan menjanjikan rezeki yang baik (murah rezeki) daripada sikap yang mudah berserah kepada qada' dan qadarnya. Peniaga-peniaga yang tidak berusaha atau berikhtiar untuk memperbaiki perniagaannya dan berserah bulat-bulat pada nasib adalah

sesuatu yang tidak wajar. Peniaga yang berfikiran demikian adalah terdiri daripada orang-orang yang kecewa dan malas berusaha. Sikap negatif sebilangan peniaga dengan hanya menyalahkan nasib dan berserah tanpa usaha seringkali dikecam dalam Al-Hadith dan Al-Quran. Tegasnya, Allah s.w.t. dan rasul-rasul telah menerangkan kepada umat Islam bahawa bertawakal itu sebenarnya bukan semata-mata berserah Tuhan, malah ia adalah percaya akan kudrat dan iradat Allah s.w.t. dan disertai pula oleh usaha-usaha sendiri. Qada' dan qadar tidak sekali menganggu kebebasan untuk bekerja dengan ikhtiaranya sendiri, sama ada memilih jalan yang baik atau jahat dan tidak memaksanya untuk menentukan salah satu daripada dua jalan itu (Mohd Fauzi Yaacob, 1969).

Ikhtiar manusia berpunca daripada satu keadaan yang menyulitkan. Kekuatan akal dapat membantu untuk menyelesaikan masalah agar terlerai dan berupaya mengubah keadaan itu. Sebahagian daripada peniaga-peniaga yang ditemui didapati berubah nasib mereka setelah berpecah dengan rakan kongsi seperniagaan. Kemelut dalam sistem pengurusan perniagaan terutama dalam soal kewangan membawa pelbagai prasangka dan ikhtiar akhir sebelum menamatkan perniagaan ialah berpecah, selepas itu memulakan perniagan sendiri masing-masing. Ikhtiar sebegini banyak mendatangkan kebaikan kepada peniaga-peniaga kerana mereka berpeluang mengurus perniagaan mengikut kemahiran dan buah fikiran tanpa dicampuri oleh orang lain yang mungkin tidak bersetuju dengan caranya, keduanya seseorang peniaga itu akan lebih berhati-hati dan bersungguh-sungguh dalam kerjayanya. Kehadiran rakan kongsi yang berpengalaman dijadikan seperti satu pemangkin untuk

melatih seseorang peniaga dalam perniagaan itu. Pepecahan melahirkan semangat ingin bersaing sekali gus mengubah nasib mereka kerana keuntungan yang diperolehi tidak perlu dibahagi.

3.1.2.2 Merantau

Dalam usaha untuk mengubah nasib dan menambahkan rezeki, peniaga-peniaga di kawasan kajian didapati melakukan beberapa penghijrahan atau merantau ke negeri orang. Penghijrahan dari tempat lama ke tempat perniagaan baru, seperti memulakan perniagaan di kampung halaman sendiri kemudian mencuba nasib di negeri orang dengan harapan dapat mengubah nasib dan menambahkan rezeki.

Kesemua peniaga yang ditemui dalam kajian kes ini, mendapat konsep merantau ini sememangnya bersinonim dengan masyarakat Melayu khususnya kepada peniaga-peniaga Melayu. Merantau ke tempat lain yang jauh dari masyarakat asalnya dan ahli-ahli keluarganya banyak mendorong ke arah sesebuah perniagaan atau kehidupan. Merantau luar dari daerahnya dikatakan dapat menghilangkan rasa malu (akibat kegagalan perniagaan lama) untuk memulakan perniagaan walaupun secara kecil-kecilan. Terdapat juga yang berpendapat bahawa dengan 'beralih tempat' dapat memberikan satu kehidupan baru, penuh keyakinan dan semangat untuk bersaing. Dalam kajian ini didapati empat daripada lima peniaga Melayu yang dikaji telah melakukan hijrah untuk meluaskan perniagaan setelah berjaya mengumpul modal di tempat lama dan beralih tempat atau premis perniagaan yang dipercayai mempunyai lebih ramai pelanggan yang pastinya memberikan pulangan yang

lebih lumayan atau dikatakan rezeki bertambah. Pendapat seumpama ini tertumpu kepada lokasi premis perniagaan yang dikira strategik dan rasi atau bersesuaian dengan peniaga dan perniagaannya, sekiranya tidak rasi kemungkinan besar akan berpindah supaya dapat mengubah nasib dan rezekinya.

Empat orang peniaga di kawasan kajian merantau dari negeri kelahiran(1 Kelantan, 2 Johor dan 1 Kedah) ke kawasan USJ yang lebih menjamin nasibnya. Tumpuan ke bandar-bandar besar seperti Subang Jaya dikatakan dapat mengubah nasib mereka kerana kawasan ini merupakan kawasan perniagaan dan perindustrian baru, tambahan lagi terdapat banyak kemudahan infrastruktur manakala kos buruh asing yang senang didapati adalah murah untuk menjalankan kerja-kerja rencam seperti mencuci dan mengangkat makanan.

Pengkaji mendapati daripada analisis kajian yang dilakukan bahawa salah satu faktor yang menyebabkan peniaga-peniaga Melayu suka merantau ialah terdapatnya satu konsep yang berpendapat daerah luar dari tempat kelahirannya adalah lebih baik keadaannya berbanding dengan negeri sendiri. Konsep ini sering dikaitkan dengan 'hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri'. Di mana 'emas' adalah lambang rezeki yang mewah, manakala 'batu' adalah lambang kesusahan. Orang-orang Melayu sejak zaman tradisi menyedari akan keperluan merantau berdasarkan kepada anak-anak muda yang difikirkan perlu untuk berdagang (merantau untuk bermiaga) untuk mengubah nasibnya kerana di kampung halaman tiada kemudahan dan

kuasa membeli orang ramai kerana rata-ratanya adalah mempunyai nasib yang sama.

Konsep merantau dan berdagang untuk memenuhi keperluan kehidupan lebih-lebih lagi mengubah nasib dan rezekinya, mungkin diperhatikan akan perlakuan orang-orang asing yang datang berdagang pada kurun ke 13 dahulu, lalu diperumpamakan Melayu dengan membuat penilaian ke atas mereka ini. Pada zaman pasca kemerdekaan ini juga tidak terlepas dari membuat penilaian dan andaian terutama tentang bangsa Cina yang lebih maju dan berjaya dalam perniagaan selepas melakukan penghijrahan atau merantau. Diaspora bangsa Cina yang tersebar luas di seluruh dunia akibat daripada kemunduran dan kemiskinan masyarakatnya di bumi kelahiran mereka lantas mendorong mereka berhijrah. Konsep merantau bagi kaum Cina ini merupakan satu penghijrahan yang kekal dan kepastian akar sebuah kejayaan. Bangsa ini dilihat lebih tekun, rajin, berusaha gigih berbanding dengan bangsa Cina yang berada di negeri China. Kesusahan dan kepayahan orang berdagang dijadikan sebagai satu jolokan untuk bekerja keras agar berjaya setelah melalui beberapa peristiwa atau pengalaman pahit. Dorongan-dorongan ini berjaya dan hidup lebih senang daripada keadaan sebelumnya adalah lahir dari tuntutan ingin mengubah nasib.

3.1.2.3 Berani Menanggung Risiko

Kesediaan untuk menanggung risiko adalah salah satu daripada cara yang boleh menentukan nasib perniagaan. Empat orang peniaga yang ditemui (Hassan, Pakhlwan, Khairul dan Zarina) telah melakukan perubahan

yang sama iaitu berani untuk menempuh segala kesulitan atau risiko yang diibaratkan sebagai satu percaturan. Ada juga yang menyifatkan bidang perniagaan adalah satu perjudian, di mana orang berani menghadapi persaingan, tidak gentar menghadapi kerugian sementara tidak takut mengalami kekalahan dan menanggung malu atas kekalahan itu, adalah antara sifat-sifat seorang peniaga Melayu yang berjaya.

Berani berpecah rakan kongsi untuk menanggung sendiri segala risiko perniagaan adalah satu kesanggupan peniaga untuk memikul tugas dan tanggungjawab yang berat. Pepecahan ini dilihat sebagai satu insiden permulaan untuk mengurus perniagaan sendiri tanpa bantuan dan pertolongan orang lain. Sikap berani dan ingin membuktikan kebolehan lazimnya membawa kejayaan kerana peniaga-peniaga merasakan perniagaan itu adalah sebahagian daripada hidupnya haknya secara total dan satu kemestian untuk dia menikmati kehidupan yang lebih baik selepas penyerahan kuasa itu. Nasib peniaga-peniaga akan berubah dan dirinya sendirilah yang bertanggungjawab mengubahnya untuk mendapatkan pendapatan atau rezeki yang banyak.

Peniaga-peniaga Melayu yang ditemui dalam penyelidikan ini juga didapati berani melaburkan sejumlah wang hasil daripada keuntungan perniagaan awalnya untuk membuka cawangan-cawangan atau rangkaian-rangkaian restoran miliknya di luar kawasan kajian. Tiga daripada peniaga Melayu itu (Hassan, Pakhlwan dan Khairul) telah membuka cawangannya di sekitar Kuala Lumpur dan Petaling Jaya manakala dua daripadanya sedang mengusahakannya di Subang Jaya juga. Pembukaan cawangan baru

sememangnya memerlukan modal yang besar, kos yang tinggi dan berhadapan dengan risiko baru iaitu sambutan daripada pelanggan atau masyarakat setempat. Justeru hanya peniaga-peniaga yang berani sanggup mengambil risiko ini, namun atas keperluan ingin memperbesarkan perniagaan risiko tersebut terpaksa ditanggung untuk sementara waktu. Proses penyesuaian ini memakan masa dan memerlukan ketabahan. Peniaga-peniaga ini berpendapat keuntungan yang sedia ada jika dilaburkan tidak memungkinkan berlakunya perubahan nasib dan pertambahan rezeki. Sifat takut kepada risiko menjelaskan akan nasib dan rezeki yang tidak akan berubah.

Senu Abdul Rahman dalam Revolusi Mental (1997) dan Mahathir Mohammad dalam Dilema Melayu (1997) berkali-kali menyatakan sikap peniaga-peniaga Melayu yang takut menghadapi risiko adalah penyebab utama kegagalan mereka dalam sektor perniagaan. Perbandingan dibuat dengan orang-orang Cina yang didapati berani menghadapi segala risiko dan berjimat cermat untuk memperluaskan perniagaan tanpa bantuan orang lain. Sifat ini sedikit sebanyak menyamai konsep perniagaan orang-orang Cina yang terkenal dengan kegiatan pelaburan wang untuk menambahkan wang yang sedia ada, dikatakan sebagai konsep wang membiakkan wang.

Pengkaji mendapati konsep wang membiakkan wang iaitu satu konsep yang terdapat dalam perniagaan orang-orang Cina, di mana wang dapat digandakan melalui pelaburan (lihat bab 5) diamalkan juga di kalangan masyarakat peniaga-peniaga Melayu di kawasan kajian. Dapatan kajian menemui peniaga-peniaga Melayu tersebut mempunyai pemikiran yang hampir

menyamai bangsa Cina atau mereka ini juga meniru akan konsep perniagaan Cina yang menjanjikan lebih keuntungan sekiranya bijak menguruskan wang. Peniruan atau mungkin secara hakikatnya, peniaga-peniaga sudah mengalami perubahan paradigma atas keperluan untuk mengubah nasib. Bagi peniaga-peniaga Melayu ini, agak sukar untuk membuat keputusan bagi membuka rangkaian restoran kedua atau seterusnya memandangkan risiko yang terpaksa dihadapi terlalu tinggi kerana melibatkan sejumlah wang modal yang banyak. Peniaga-peniaga ini menganggarkan keuntungan yang berganda atau kerugian yang besar jika tidak dapat menguruskan perniagaan dengan baik. Kemungkinan kedua ini akan menimbulkan keraguan dan dibayangi ketakutan untuk membiakkan wang yang sedia ada. Risiko mengalami kerugian akan dapat diatasi lebih awal kerana perkara sedemikian berkemungkinan besar berlaku. Persediaan awal seperti modal pusingan dan tenaga buruh yang mencukupi dapat mengatasi segala kemungkinan risiko yang mendatang.

Risiko-risiko dalam perniagaan dianggap sebagai asam garam dalam perniagaan, permasalahan yang timbul daripada perniagaan boleh mematangkan perniagaan juga memberi pengajaran yang berguna untuk mengembangkan sayap perniagaan. Orang-orang Melayu suka mengatakan akan perjudian nasib mereka ibarat '**untung sabut timbul, jika untung batu tenggelam...**' mencerminkan dua kejadian kemungkinan akan berlaku sekiranya tidak dilakukan sebarang untung tidak akan diperolehi langsung.

Peniaga-peniaga Melayu di kawasan kajian disifatkan sebagai satu kelompok yang berjaya melepassikekangan dan halangan dalam sektor ekonomi moden. Perjuangan mereka untuk mengubah nasib dan

mendapatkan rezeki yang banyak melalui pelbagai usaha, ikhtiar, bersedia untuk berhijrah dari aspek pemikiran dan lokasi tempat kerja serta berani menanggung risiko menjadikan perniagaan mereka semakin kukuh. Kepercayaan kepada nasib yang ditakdirkan ke atas manusia tidak sama sekali menjadikan peniaga-peniaga ini sebagai golongan yang suka berserah tanpa berusaha.

3.2 Konsep Berkat Dalam Perniagaan

Konsep berkat dalam masyarakat Melayu lebih bertunjangkan kepada konsep fiqh agama Islam yang merangkum hal ehwal orang-orang Melayu. Konsep berkat yang difahamkan adalah berdasarkan kepada perkataan 'barakah' yang dipinjamkan daripada Bahasa Arab yang bermaksud membawa kesejahteraan.

Dalam fahaman berkait ini mengutarakan tentang kesejahteraan dan keamanan yang akan diterima sekiranya melakukan sesuatu perkara atau perbuatan yang baik di sisi agama Islam. Seseorang manusia yang mengamalkan nilai-nilai murni seperti taat dan berpegang teguh kepada ajaran Islam, seringkali dikatakan mendapat keberkatan kerana kehidupan mereka yang harmoni atas sebab ganjaran kepada patuh kepada nilai ajaran agama Islam.

Penganut Islam yang tidak mengamalkan nilai-nilai agama, dipercayai akan mengalami kesulitan dalam kehidupan mereka atas hilang keberkatan kerana bersekongkol dengan perkara-perkara maksiat dan sebagai pembalasannya mereka tidak akan memperolehi kenikmatan sama ada di

dunia atau akhirat. Fahaman ini sebenarnya membuatkan kebanyakan masyarakat Melayu Islam sering berfikir sebelum melakukan sesuatu pekerjaan, dibimbangi akan mengalami kegagalan.

Menurut Zainal Abidin Borhan (1997:24) dalam **Pemikiran Ekonomi Melayu**, keberkatan rezeki yang perlu dicari. Berkat (barakah) bermaksud mendapat segala kenikmatan, kemewahan kesenangan , kehidupan rahmat. Ia adalah ganjaran yang Tuhan berikan yang perlu dikeluarkan sebahagiannya, disedekahkan kepada yang memerlukan bantuan. Lantaran segala hasil, rezeki, sumber tidak bererti untuk nikmat seorang sahaja, ia adalah untuk dinikmati bersama.

Dalam perbincangan ini, lebih menyatakan bahawa setiap rezeki yang diberikan akan mendapat keberkatan yang berpanjangan sekiranya berkongsi kenikmatan dengan orang lain. Dalam perukunan Islam ini diistilahkan sebagai pengeluaran zakat, sama ada zakat perniagaan, pendapatan, hasil tanaman dan sebagainya. Pengeluaran zakat sebagai rukun Islam keempat yang mewajibkan penganutnya mengeluarkan sedekah bagi menyuburkan kekayaan yang telah dianugerahi Allah s.w.t. Ini bermakna sesiapa yang tidak mematuhinya akan mengalami beberapa kesulitan seperti hasil kekayaan, pendapatan menjadi susut dan kehidupannya tidak diberkati.

Dalam keadaan ini orang Melayu sangat berhati-hati dalam kegiatan ekonomi mereka. Mereka terpaksa pertimbangkan antara yang dihalalkan dan yang diharamkan. Kekayaan yang diperolehi secara tidak diredhai Allah s.w.t. dipercayai dan menjadi keyakinan tidak akan membawa kebaikan atau keberkatan.(Wan Abdul Kadir, 1997:105)

Pemikiran masyarakat Melayu lebih berpaksikan nilai-nilai keagamaan yang menjadi asas kepada sistem sosial mereka. Peranan nilai dan moraliti Islam amat mempengaruhi setiap aspek kehidupan terutama dalam soal rezeki yang adil dan diberkati kerana kedua-duanya adalah saluran kepada kejadian manusia dari segumpal tanah dan seketul daging. Masyarakat Islam ditekankan supaya mencari rezeki yang halal, diberkati kerana sumber ditukarkan kepada makanan yang akan menjadi darah daging manusia seterusnya membentuk sahsiah diri yang berakh�ak tinggi. Kelazimannya dalam masyarakat Melayu Islam sering dikaitkan anak-anak yang mengalami keruntuhan moral dikatakan memakan sumber rezeki yang tidak halal, tidak diberkati oleh ibu bapa mereka. Hal keberkatan ini diambil kira dalam segala urusan pekerjaan dengan melibatkan ciri-ciri kejujuran, amanah dan kesanggupan berkongsi nikmat (zakat). Dalam Islam soal keberkatan dititikberatkan bagi membina sebuah institusi keluarga yang cemerlang dan sejahtera jauh daripada melakukan perkara-perkara mungkar. Mencari kekayaan atau sumber rezeki dalam Islam dikehendaki berlandaskan kepada moral dan etika yang tidak bercanggah dengan kehendak-kehendak agama dan tradisi masyarakat Melayu.

Dalam sepotong hadith yang diriwayatkan berbunyi:

"selepas mengerja sembahyang subuh, kamu tidak harus mengenal rehat selagi kamu membuat usaha yang jujur untuk mencari nafkah hidupmu".

Dari hadith ini, kita membuat persepsi bahawa seluruh umat manusia menyeru kepada berbuat kekayaan yang mulia dan mementingkan

aspek kejujuran dalam usaha mencari rezeki agar hasil yang didapati adalah yang diberkati dan dirahmati.

Masyarakat Melayu yang mengamalkan dan mengutamakan nilai-nilai murni seperti yang diutarakan oleh syariat Islam dipercayai dan terbukti mendapat keredhaan dan keberkatan Allah s.w.t. walaupun ada kalanya sukar difahami oleh masyarakat lain seperti pengeluaran zakat (perkongsian nikmat), konsep kesuburan harta hasil daripada amalan tersebut dan mengamalkan kejujuran dalam segala urusan lebih-lebih lagi yang menjadi sumber rezeki seperti perniagaan.

Keberkatan yang diharapkan oleh masyarakat Melayu Islam dari zaman tradisi hingga kini tidak hanya melewati batas-batas sumber pendapatan sehari-harian malahan hasil yang diusahakan sedikit demi sedikit itu berupaya mengumpul harta kekayaan. Harta kekayaan yang dimiliki adalah pemberian Allah s.w.t. dan sewajarnya digunakan dengan sebaik-baiknya agar mendapat keberkatan yang hakiki. Malahan sesetengah masyarakat Melayu amat yakin sekiranya harta kekayaan yang diperolehi daripada punca yang tidak baik atau bercanggahan dengan prinsip agama, maka harta yang diperolehi itu tidak akan kekal lama kerana panas iaitu satu istilah yang disabitkan dengan hasil pendapatan dari sumber haram, akan cepat habis dan membawa padah kepada seseorang yang menyimpannya. Setiap orang yang dianugerahkan dengan kekayaan atau kesenangan sentiasa diingatkan supaya menggunakan kesemuanya itu dengan cara yang betul bukannya untuk bermegah-megah dan menimbulkan perasaan angkuh, sompong, riau dan takabur. Bersandarkan kepada sebuah hadith yang bermaksud:

"seseorang yang mengumpul harta, melalui cara-cara yang sah dengan tujuan untuk mendapatkan kedudukan yang ia akan mendapat kemurkaan dari Allah".

Dalam perbincangan keberkatan atas segala rezeki yang diperolehi, memperlihatkan masyarakat Melayu amat taksub dengan pegangan agama. Kedua-dua konsep ini amat berkait rapat dan saling mempengaruhi bagi menjelaskan senario perniagaan atau sebarang urusan dan pekerjaan yang dilakukan oleh masyarakat Melayu. Fahaman-fahaman agama ini semestinya menjadi satu dasar utama yang perlu diambil kira sekiranya menginginkan keuntungan yang berlipat ganda atau akan mengembangkan perniagaan.

Masyarakat Melayu sama ada yang terdiri daripada masyarakat Melayu hari ini ataupun yang masih mengamalkan nilai-nilai tradisi dan kukuh pegangan agamanya akan berpegang teguh kepada kedua-dua konsep ini kerana kedua-duanya diukur sebagai faktor kegagalan atau kejayaan dalam sebarang pekerjaan tentang perniagaan. Dalam elemen perniagaan yang diceburi oleh peniaga Melayu, struktur binaan perniagaan itu sendiri lebih bercirikan ekonomi Islam yang bukannya merupakan undang-undang perniagaan semata-mata tetapi merangkumi juga aspek sosial dengan mengkaji proses dan natijah daripada kegiatan manusia secara lebih menyeluruh yang meliputi penggunaan pengeluaran dan pengagihan dalam masyarakat Islam (Kalif, 1982:7) sebagaimana yang tersurat dalam Al-Quran dan nas Al-Hadith yang terdiri daripada unsur-unsur murni dan jauh daripada segala perkara yang membawa kemungkaran disisi agama ataupun masyarakat yang dihuninya.

Justeru, segala pengurusan perniagaan dan sumber perniagaan adalah sewajarnya yang terhindar daripada amalan riba kerana amalan riba itu adalah suatu elemen yang akan membinasakan keberkatan dalam perniagaan.

Kalangan peniaga-peniaga Melayu amat prihatin dengan pembiayaan modal dalam perniagaan mereka. Modal adalah satu perkara utama yang menentukan hala tuju perniagaan sama ada dapat mengembangkan perniagaan ataupun sebaliknya. Adalah menjadi satu pegangan bahawa sumber modal yang melibatkan riba tidak akan mendapat kejayaan dan menemui kecelakaan kerana tidak diberkati. Alasan-alasan ini bertepatan kerana amalan riba merupakan suatu penindasan dan bentuk kezaliman yang merugikan semua pihak seterusnya meruntuhkan sebuah masyarakat.

Dalam kajian ini, konsep rezeki, berkat dan riba mempunyai pertalian yang erat dalam perniagaan dan seiring dalam segala pekerjaan yang dilakukan oleh masyarakat Melayu dari dulu hingga kini. Konsep-konsep ini dilihat sebagai satu konsep dari Al-Quran yang menjadi keutamaan dalam menentukan bentuk perniagaan mahupun aktiviti ekonomi yang lain, terutamanya perbuatan riba kerana amalan ini merupakan salah satu daripada dosa besar yang perlu dihindari.

3.2.1 Konsep Berkat Mengikut Perspektif Peniaga

Menurut Hassan pemilik Restoran Nasi Ayam Kampung, keberkatan hanya dapat diperolehi dengan adanya kejujuran. Melalui kejujuran beliau berjaya membina sebuah restoran rangkaian makanan masakan Sumatera di

Selangor. Kejujuran yang dimaksudkan tidak sahaja tertakluk pada hal urusan jual beli (aqad jual beli) malahan berlaku jujur pada rakan kongsi (sebelum mengendalikan perniagaan secara total), pelanggan dan pekerja bawahan.

Konsep berkat dari sifat jujur dipercayai membuatkan perniagaannya semakin maju dan berkembang. Menurut Encik Hassan, beliau akan memberikan gaji yang setimpal kepada pekerja-pekerja, tidak mencuri tenaga yang sama-sama menggerakkan perniagaan, pekerja-pekerja yang terdiri daripada ahli keluarga dan orang-orang sekampungnya sentiasa dijaga kebaikan mereka seperti bayaran perubatan dan kos sewa. Pekerja-pekerja yang bekerja lebih masa akan diberi gaji 'overtime'. Mengikut pekerja-pekerja restoran ini, Encik Hassan sangat prihatin dengan masalah yang mereka hadapi dan sekali-kali tidak suka mengerah tenaga, malahan bersama-sama bekerja. Hal ini membuatkan pekerja-pekerjanya hormat dan boleh menerima teguran daripada majikan. Pembayaran gaji dibuat pada setiap minggu tanpa tunggakan dan menepati masa. Bagi Encik Hassan, mengabaikan kebaikan pekerja terutama soal gaji akan menghilangkan keberkatan kerana perbuatan ini sering menyakiti hati pekerja yang bertungkus lumus menghidupkan perniagaan atau nadi perniagaan. Menurutnya lagi tiada keberkatan sekiranya selalu disumpah oleh pekerja dan pelanggan.

Bagi mengekalkan keberkatan dalam perniagaannya, Encik Hassan tidak lupa membayar zakat tahunan dan memberikan bonus kepada setiap pekerja apabila menjelang hari raya. Encik Hassan mengeluarkan sejumlah wang yang besar bagi tujuan ini. Beliau percaya pemberian zakat yang

berterusan dapat menyuburkan harta bendanya dan memajukan perniagaannya kerana itu adalah perkara yang dituntut oleh agama.

Konsep berkat pada fahaman Encik Hassan dan menjadi tunjang perniagaan adalah berteraskan kepada Islam, di mana Allah s.w.t. akan memberkati orang-orang yang tinggi akhlaknya dan meletakkan ajaran Al-Quran dan Al-Hadith sebagai landasan dalam perniagaan agar tidak menyerupai kapitalis yang sering menekan golongan bawahannya tanpa pembahagian hak yang adil.

Suatu perkara yang menarik perhatian dalam pengertian konsep berkat ini, Encik Hassan menjadikan hari Jumaat sebagai hari cuti bagi membolehkan kesemua pekerjanya (semua pekerja lelaki) menunaikan solat Jumaat. Beliau juga menutup perniagaannya sepanjang bulan puasa pada pukul 7.30 malam bagi membolehkan dirinya dan pekerja-pekerjanya bersembahyang terawikh. Aspek kesucian diri dan fizikal penting baginya kerana kedua-dua perkara ini akan mempengaruhi keberkatan dalam perniagaannya. Adalah menjadi tanggungjawab bagi dirinya untuk menjamin 'kebersihan' makanan yang disediakan oleh pekerja-pekerjanya agar dijauhi daripada segala 'kekotoran dunia'. Menurut pekerja-pekerjanya, Encik Hassan amat menjaga setiap perlakuan mereka seperti mengenakan syarat sembahyang lima waktu dan berkelakuan baik, jujur dengan majikan ataupun pelanggan. Daripada perlakuan ini dipercayai dapat mengundang keberkatan dalam perniagaannya.

Pemilik Restoran Endang 1, Cik Fatimah menyatakan beliau tidak sekali-kali cuba menipu pelanggan dengan menyediakan makanan yang sudah

rosak seperti membeli sayur-sayuran dan lauk pauk yang lama walaupun dengan harga yang rendah dan dijual dengan harga yang tinggi. Beliau juga tidak pernah menjual semula makanan yang tidak habis dijual pada hari keesokannya. Menurut beliau, perbuatan seperti ini seolah-olah menipu pelanggan dan mengundang musibah terhadap perniagaan kerana hilang keberkatan Allah s.w.t. Hal seumpama ini perlu diberi perhatian walaupun tidak mendarangkan kesan dalam jangka masa pendek tetapi dalam jangka masa panjang lambat laun pasti akan menerima balasan terhadap perbuatan itu. Menurut Cik Fatimah konsep keberkatan padanya lebih tertumpu pada keikhlasan bukan sahaja dalam aspek penyajian makanan malahan menentukan harga makanan. Harga makanan yang dijual di kedainya adalah harga patut bagi membolehkan lebih ramai pelanggan yang mampu berbelanja di kedainya.

'Buat Terbaik, Allah Bagi Yang Terbaik' merupakan prinsip Cik Fatimah dalam perniagaannya. Dari prinsip yang dipegang ini dari mula bermiaga (1995) kekal hingga kini adalah keberkatan daripada perbuatannya yang baik dan bertimbang rasa terhadap pekerja dan pelanggan. Menurut salah seorang pekerja memberitahu bahawa Cik Fatimah seorang yang mesra dengan para pekerjanya, sentiasa membeli makanan yang bermutu dan disukai ramai pelanggannya. Para pelanggan yang berpuas hati dengan masakan dan layanan di kedainya merupakan salah satu faktor keberkatan kerana perbuatan ini dapat menghindari pelanggan mereka daripada memaki hamun perniagaannya. Konsep keberkatan baginya berteraskan kepada setiap perlakuan baik yang tidak bertentangan dengan hukum Allah s.w.t. dan

menjelekkan masyarakat. Beliau juga menyatakan bahawa terdapat sekelompok peniaga yang menggunakan khidmat bomoh bagi melariskan (pelaris) jualan mereka. Perbuatan sebegini menurutnya adalah khurafat dan bertentangan dengan ajaran agama yang akan membuatkan sesebuah perniagaan itu menjadi mundur kerana hilang keberkatan. Beliau hanya mengamalkan ayat-ayat Al-Quran yang dipelajarinya.

Encik Pakhlhan, pemilik Restoran Endang 2, menyatakan bahawa konsep keberkatan yang menjadi pegangannya adalah bersandarkan kepada sifat ikhlas, tulus dengan pelanggan, banyak bersedekah dan menjaga kebijakan pekerja. Sifat-sifat tersebut mula diamalkan sejak beliau mula berniaga dan beliau percaya perniagaannya kekal hingga kini adalah keberkatan yang dikurniakan Allah s.w.t. kerana mengamalkan sifat tersebut. Ketelusan dan keikhlasan terhadap pelanggan terbukti apabila sering membuat soal-selidik seperti temubual dengan pelanggan-pelanggannya untuk mengetahui sejauhmana tanggapan pelanggan terhadap sistem pengurusan kedai terutamanya tentang rasa makanan dan harga yang dikenakan. Beliau sanggup menerima teguran dan kritikan daripada pelanggan untuk memperbaiki prestasi perniagaannya. Di restorannya tergantung satu papan tanda yang berbunyi "*Kalau tak sedap beritahu kami, kalau sedap beritahu kawan-kawan*".

Amalan bersedekah adalah satu perkara yang paling disukai di dalam Islam. Beliau sentiasa memberi sedekah kepada masjid berdekatan terutama pada malam Jumaat dan bulan puasa. Menurutnya sebagai jiran masjid adalah satu kelaziman untuk menyediakan makanan kepada jemaah-

jemaah di masjid dan bayaran yang dikenakan adalah jauh lebih rendah daripada kadar biasa. Begitu juga dengan makanan di restorannya, beliau hanya menetapkan RM 1 bagi nasi lemak dan RM 1 bagi tiga jenis kuih semata-mata untuk membolehkan pelanggannya yang mempunyai pendapatan yang berbeza-beza berupaya membelinya. Harga istimewa ini dianggap sebagai satu sedekah kepada pelanggan-pelanggan terutama yang berpendapatan rendah.

Pemberian zakat yang berupa bonus diberikan kepada setiap pekerjaan apabila menjelang hari raya. Pemberian bonus ini berdasarkan kepada keuntungan yang diperolehi dalam tahun tersebut, sekurang-kurangnya bonus akan dibayar setengah bulan gaji. Amalan ini dikatakan membawa keberkatan terhadap perniagaannya. Menurut Encik Pakhlan, pemberian zakat seperti bonus dapat menggembirakan pekerja-pekerja yang bekerja di situ sekaligus mereka akan mendoakan dirinya dan perniagaannya berkekalan. Bagi Encik Pakhlan, beliau sentiasa mencari keberkatan kerana perniagaan yang diceburinya merupakan perusahaan keluarga yang akan diwariskan kepada anak-anaknya kelak. Menurutnya lagi apabila berada pada landasan agama yang betul, segala bentuk perniagaan menjadi mudah dan diberkati sehingga ke anak cucu. Encik Pakhlan yang tidak menafikan terdapat perniaga yang meletakkan harga makanan yang tinggi tanpa memikirkan keupayaan orang yang berpendapatan rendah untuk membeli, perbuatan ini dikatakan mencekik darah dan bertentangan dengan sifat jual beli Islam yang tidak membenarkan mengaut keuntungan sebanyak dua kali ganda. Keuntungan yang berlipat ganda daripada kos adalah

bertentangan dengan nilai agama dan boleh mendekatkan diri dengan riba yang boleh menghilangkan keberkatan.

Konsep berkat yang dipegang oleh Khairul Baharum pemilik Restoran Nurul Huda juga merangkumi nilai-nilai ketelusan dan mesra dengan pelanggan. Di mana beliau sekali-kali tidak menyediakan makanan yang tidak berkualiti dalam masakannya. Walaupun terdapat sesetengah peniaga yang membeli bahan mentah yang rosak dan tidak berkualiti, dan dijual dengan harga yang tinggi adalah perbuatan menipu pelanggan. Perbuatan seumpama ini adalah haram, dan sesuatu yang haram akan membuatkan sesebuah perniagaan tidak diberkati.

Bagi mendatangkan keberkatan juga, Khairul sentiasa memastikan pekerja-pekerjanya bersembahyang mengikut giliran. Beliau sendiri mengamalkan bacaan selawat dan Al-Fatihah sebanyak 44 kali diawal pagi bagi mencari keberkatan Allah s.w.t. Keberkatan daripada Allah baginya bukan sahaja merangkumi bacaan ayat-ayat suci malahan perlakuan atau sahsiah mulia dan keperibadian seseorang peniaga adalah penting. Peniaga menipu pelanggan dan menganiaya pekerja seperti tidak membayar gaji dikira sebagai faktor penting yang tidak mendatangkan keberkatan terhadap perniagaan. Menurut Khairul, beliau sentiasa menganggap pekerja-pekerjanya (selain daripada saudara) sebagai rakan yang boleh diambil kira pandangan dan pendapat mereka. Keharmonian hubungan antara majikan dengan pekerja juga dikatakan mengundang keberkatan, sekiranya sering berlaku perselisihan faham atau pergaduhan antara majikan dengan pekerja urusan perniagaan tidak akan berjalan lancar kerana tidak diberkati. Hubungan silaturrahim yang

baik antara kedua-dua pihak perlu dijaga kerana tanpa pekerja majikan tidak akan beroleh keuntungan. Persefahaman dan persepakatan antara kedua-duanya boleh membawa berkat dalam apa jua perniagaan terutama perniagaan makanan. Hubungan yang tidak baik antara pekerja dan majikan mendorong pekerja untuk 'lari' dan akhirnya urusan jual beli tergendala.

Bagi Zarina, pemilik Restoran Masakan Utara, mendapatkan keberkatan dalam perniagaan adalah perkara utama yang perlu difikirkan oleh seseorang peniaga untuk terus berada dalam lapangan perniagaan. Amalan-amalan membaca ayat-ayat suci al-quran sewaktu membuka kedai adalah satu kewajipan yang perlu beliau lakukan. Bagi mendapatkan keberkatan, ajaran agama Islam adalah menjadi dasar kepada pengurusan perniagaan beliau. Beliau dikatakan berasas baik kerana salah seorang daripada saudara lelakinya merupakan peyumbang modal dalam perniagaan itu. Perkara ini boleh mengelakkan daripada masalah riba yang dilaknati Allah. Penipuan terhadap pelanggan dengan meletakkan harga yang tinggi juga dikira sebagai riba walaupun tidak disedari secara langsung dan beliau amat prihatin terhadap perkara itu.

Hubungan dengan pekerja walaupun terdapat pekerja-pekerja yang terdiri daripada warga asing namun kebajikan mereka terpelihara di mana gaji yang diberikan mengikut kadar mutu kerja dan masa bekerja. Amalan-amalan sedekah dipanjangkan kepada masjid (berdekatan dengan Masjid al- Falah). Perkara-perkara baik perlu dilakukan untuk mengundang keberkatan.

3.2.2 Pengaruh dan Kesan Konsep Berkat Dalam Perniagaan

Konsep berkat dalam perniagaan orang-orang Melayu adalah menjadi satu tuntutan utama. Tanpa keberkatan yang dikurniakan Tuhan, sesbuah perniagaan tidak akan berjaya atau mendatangkan keuntungan seperti yang diharap-harapkan. Konsep berkat didapati menjadi tunjang dalam pemikiran peniaga-peniaga Melayu di kawasan kajian. Pengurusan perniagaan yang dijalankan bukan semata-mata untuk mendapatkan keuntungan yang berganda tanpa memikirkan buruk, baik, haram atau halal di sisi agama. Adalah jelas dinyatakan bahawa peniaga-peniaga Melayu di kawasan kajian ini adalah terdiri daripada kelompok Melayu yang alim dalam bidang agama. Konsep berkat dalam perniagaan Melayu lebih mendekati kepada konsep ekonomi Islam yang menganjurkan nilai-nilai yang menitikberatkan tentang kesederhanaan, stabil dan seimbang. Apabila membicarakan tentang keberkatan ke atas rezeki yang dicari, peniaga-peniaga Melayu di kawasan kajian memberi tumpuan konsep melalui pendekatan Islam. Jelas membuktikan orang-orang Melayu tidak dapat memisahkan agama dari bidang perniagaan kerana aspek-aspek keberkatan dalam pemikiran mereka adalah sesuatu yang berkait secara langsung dengan nilai-nilai yang terkandung dalam agama. Nilai kesederhanaan seperti tidak tamak dan mementingkan ketelusan adalah tuntutan agama. Nilai stabil dan seimbang lebih memberi penekanan terhadap keharmonian dalam pengurusan, hubungan majikan dan pekerja, oleh itu bagi mewujudkan situasi sedemikian, pemberian zakat atau sedekah berupa bonus dikatakan dapat mengeratkan hubungan antara keduanya. Nilai-nilai ini dipraktikkan dengan baik kerana ianya dianggap


sebagai satu wahana yang menyalurkan keberkatan tadi. Tanpa perbuatan dan saluran yang disukai Allah s.w.t., peniaga-peniaga Melayu tidak yakin sama sekali mereka akan beroleh kejayaan dalam perniagaan mahupun kehidupan.

Dapatan ini adalah bertentangan dengan apa yang difikirkan oleh Mahathir Mohammad yang menyatakan bahawa;

"Satu lagi kuasa yang bertapak kuat pada orang Melayu ialah agama. Sesuatu perubahan, rancangan atau ideologi yang bertentangan dengan agama orang Melayu tidak akan berjaya. Oleh itu agama Islam janganlah disentuh dalam usaha mencari kemajuan orang-orang Melayu. Malahan Islam mestilah dipertahan dan dikembangkan lagi jika kemajuan hendak dicapai" (1997: 125).

Pernyataan ini kurang sesuai dianjurkan kerana dalam usaha mendapat keberkatan, peniaga-peniaga Melayu akan berpandukan kepada agama kerana Islam adalah satu Ad-Din (cara hidup) yang terkandung di dalamnya semua aspek kehidupan dan peraturan-peraturannya ada tercatat di dalam Al-Quran dan Al-Hadith. Seseorang yang tidak mengikuti peraturan-peraturan (hukum) tidak akan diperkenankan (diberkati) Allah s.w.t. segala akan perbuatannya. Rajah di bawah dapat menjelaskan kedudukan peniaga-peniaga Melayu yang menganggap perniagaan yang dilakukan adalah berteraskan Islam untuk mendapat keberkatan ke atas rezeki yang diperoleh.

RAJAH 3.KEDUDUKAN EKONOMI PADA PERSPEKTIF PENIAGA



Nilai-nilai murni yang dilakukan dalam pengurusan perniagaan adalah suatu elemen penting yang tidak boleh dibuat-buat tetapi dipraktikkan dari masa kesemasa. Dalam kajian ini, pengkaji membuat tinjauan selama beberapa bulan (sempat beberapa tahun) untuk menyelesaikan atau membuktikan dakwaan mereka. Beberapa pelanggan juga telah ditemu bual, kajian melalui 'questionnaire' juga diadakan bukan sahaja pekerja-pekerja tetapi juga pelanggan-pelanggan. Ternyata kesemua peniaga Melayu yang disoal selidik ada mempraktikkan nilai tersebut. Bagi merealisasikan konsep berkat dalam amalan perniagaan mereka, adalah didapati bahawa peniaga-peniaga Melayu telah melakukan beberapa perkara seperti yang dihuraikan di bawah.

3.2.2.1 Kejujuran dan Ketelusan

Nilai-nilai ini diamalkan dan sekali gus pengkaji melihatnya sebagai salah satu faktor yang mengundang keberkatan ke atas peniaga dan perniagaannya. Nilai kejujuran merupakan asas kepada perniagaan yang stabil dan sihat. Nilai kejujuran dan ketelusan dipraktikkan terhadap pelanggan di mana peniaga-peniaga ini tidak mengenakan harga yang tinggi ke atas makanan yang dijual kerana mengambil kira status semua pelanggannya yang terdiri daripada pelbagai jenis pekerjaan dan pendapatan. Sungguhpun di USJ rata-ratanya terdiri daripada masyarakat 'upper middle class' (mengikut takrifan Encik Nor Azri, MPSJ) namun sebagai pusat pentadbiran dan perniagaan utama, masyarakat pekerjanya terdiri daripada yang berjawatan rendah seperti

tukang jaga, tukang cuci dan yang terlibat dalam sektor pengkeranian di pejabat perlu diambil kira tentang kemampuan dan kuasa membeli mereka. Sektor perniagaan menjual makanan bertaraf restoran biasa akan mempunyai daya tarikan sekiranya menawarkan harga patut.

Sebagai seorang pengguna yang rasional, kualiti makanan yang dibeli menjadi ukuran utama di samping kelazatan rasa makanan. Lauk pauk dan sayur mayur yang segar menjadi hidangan utama, bukannya membeli bahan-bahan yang hampir rosak (murah harganya) lalu menjualnya dengan harga yang mahal. Perbuatan menipu pelanggan dengan cara sedemikian disifatkan sebagai satu kesalahan besar dalam perniagaan menjual makanan. Perbuatan ini adalah terlarang di sisi agama yang akan menyebabkan tiada keberkatan ke atas perniagaan itu.

Sifat telus yang diamalkan terhadap pekerja-pekerja meliputi pembayaran gaji atau kos upah yang setimpal dan berperikemanusiaan. Upah atau gaji yang dibayar secara konsisten tanpa tunggakan dikatakan tunggak dalam hubungan antara majikan dan pekerja. Peniaga-peniaga di kawasan kajian mengatakan kelewatan membayar gaji sama ada secara harian, mingguan atau bulanan akan mewujudkan masalah dalam perniagaan. Faktor gaji ini dikatakan menjadi faktor tertinggi punca pekerja-pekerja lari meninggalkan premis. Masalah seperti ini menyebabkan peniaga kehilangan keuntungan (tiada rezeki). Walaupun masalah ini kelihatan remeh namun ia mampu memberi impak yang besar kepada perniagaan kerana tanpa pekerja yang dedikasi sesebuah restoran tidak dapat beroperasi dengan lancar. Pada pandangan saya, gaji dengan kerja yang setimpal adalah satu perkara yang

menggembirakan pekerja, keharmonian yang wujud antara keduanya jelas kelihatan di mana pekerja bertungkus lumus menguruskan perniagaan tanpa sebarang rasa curiga terhadap majikan malahan sedia bekerja lebih masa demi menjamin kemajuan perniagaan.

Empat daripada para peniaga di kawasan kajian lebih suka mengambil saudara-mara mereka dan kenalan dari kampung untuk bekerja di restoran. Saya melihat sifat ketelusan ini bukan setakat disebabkan oleh rasa tanggungjawab seperti pekerja tetapi lebih kepada tanggungjawab menjaga mereka semasa di perantauan kerana telah menerima amanat daripada penjaga masing-masing. Hubungan kekeluargaan ini lebih intim yang memberi peluang kepada peniaga (majikan) menegur dan melatih pekerja-pekerja tanpa sebarang tekanan. Hubungan baik antara keduanya semestinya memberikan kesejahteraan dan keberkatan dalam perniagaan.

Pengkaji juga mendapati bahawa konsep kekeluargaan dalam perniagaan di kalangan peniaga Melayu yang disoal selidik sebenarnya merupakan salah satu cirri konsep perniagaan Cina yang kebanyakannya mengambil saudara mara sendiri untuk membina sebuah empayar perniagaan yang kukuh. Dalam perniagaan menjual makanan, hubungan erat yang wujud serta suasana kerja yang sihat, restoran itu seolah-olah dijadikan sebagai pusat latihan yang melatih pekerja-pekerja dan membekalkan pengalaman bagi mereka untuk membuka perniagaan sendiri. Konsep kekeluargaan dalam perniagaan di kawasan kajian lebih mendekatkan kepada aspek-aspek keselamatan kerana keupayaan untuk dipercayai adalah lebih tinggi berbanding dengan pekerja-pekerja lain. Urusan kewangan yang lazimnya

dilakukan oleh peniaga kadang kalanya diserahkan kepada pekerja yang boleh dipercayai biasanya terdiri daripada ahli keluarga terdekat. Kepercayaan yang diberikan, sikap menghormati pekerja dan majikan dan ketelusan yang ditunjukkan oleh majikan kepada pekerja difikirkan dapat membendung perkara-perkara yang tidak diingini berlaku.

Masyarakat peniaga Melayu mempercayai nilai-nilai kejujuran dan ketelusan adalah kunci kejayaan sesebuah perniagaan kerana kedua-dua sifat ini akan dapat membuka pintu rezeki seluas-luasnya disebabkan oleh ia adalah suatu tuntutan agama.

3.2.2.2 Menginfaqkan Harta (Pengeluaran Zakat dan Pemberian Bonus)

"Ambillah daripada harta benda mereka sebagai sedekah (zakat) untuk membersihkan mereka dan menyucikan mereka dengannya". (Al-Taubah :103)

Peniaga-peniaga Melayu di sini (kesemuanya) telah menginfaqkan hasil pendapatan mereka dengan cara yang direhui Allah. Perbuatan menginfaq atau dalam bahasa Melayunya bermaksud membelanjakan harta ke jalan Allah atau kebaikan telah dipercayai membawa impak yang baik terhadap perniagaan mereka.

Kelima-lima orang peniaga dalam kajian telah mengamalkan pemberian bonus kepada pekerja-pekerja yang dikira sebagai pengeluaran zakat perniagaan mereka pada tahun tersebut. Pemberian zakat sebagaimana yang tertera dalam sepotong ayat Al-Quran di atas akan dapat menyucikan harta (hasil pendapatan daripada aktiviti perniagaan) dengan maksud

pendapatan (rezeki) yang dikurniakan Tuhan menerusi usaha-usahanya perlulah dikongsikan nikmatnya dengan orang-orang yang tidak berkemampuan. Rezeki yang melimpah ruah berkat daripada ketekunan itu perlu diagih-agihkan dengan kadar tertentu sebagai tanda mensyukuri nikmat yang diberikan. Pengkongsian nikmat ini adalah menjadi dasar Islam (menjadi pegangan peniaga-peniaga Melayu yang alim) bagi mengelakkan kegiatan mengeksplotasi harta benda tanpa memikirkan kebaikan orang lain yang tidak dikurniakan nikmat rezeki yang sebegini. Pengagihan zakat dalam perniagaan dapat mengelakkan seseorang individu bersifat tamak kerana sifat tamak adalah suatu keburukan yang dipercayai dapat menghindarkan keberkatan. Nilai negatif ini adalah sifat terlarang dan bertentangan dengan nilai agama Islam dan bersalah dengan nilai budaya Melayu yang mengutuk ahli-ahli masyarakatnya yang bersifat tangkai jering.

Sebagai ketetapan dan kewajipan terhadap Allah s.w.t. zakat bukanlah cukai tetapi ia lebih merupakan ketetapan daripada pemerintah. Peranan zakat amat penting dalam agihan pendapatan dankekayaan. Melalui ijтиhad, ulama telah dapat mengembangkan konsep zakat dari segi jenis-jenisnya dan kaedah pelaksanaannya secara yang lebih bermanfaat dan berkesan. Zakat tidak menjadikan pengeluar jatuh papa tetapi sebaliknya sedikit sebanyak memberi kesan positif terhadap kelakukan penerima dari semasa ke semasa.

Jelas pengeluaran zakat dapat menyuburkan harta perniagaan. Terbukti restoran yang dikaji dapat mempertahankan kedudukan perniagaannya selama lebih 5 tahun berbanding dengan restoran-restoran

Melayu yang lain di sekitarnya. Pemberian bonus berupa wang, pakaian dan lain-lain hadiah daripada majikan kepada pekerja-pekerjanya dapat melahirkan rasa gembira kerana dapat menampung perbelanjaan mereka terutama apabila menjelang hari raya. Pemberian ini dapat merapatkan hubungan yang sedia ada lantas membolehkan kedua-dua pihak berganding bahu dan bekerjasama bagi memajukan perniagaan. Insentif seperti ganjaran kenaikan gaji kepada pekerja-pekerja sekiranya perniagaan mencapai keuntungan yang tinggi dilihat sebagai faktor utamā yang menjadi pendorong supaya pekerja-pekerja bekerja dengan lebih tekun dan mempunyai semangat berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Islam juga memandang akan pengeluaran zakat adalah sesuatu yang adil kerana Allah s.w.t. berfirman: ".....supaya harta itu jangan hanya beredar di antara orang-orang kaya sahaja antara kamu " (surah 59:7).

Ini bermakna zakat adalah satu pengagihan rezeki yang perlu dilakukan dalam masyarakat. Pengeluaran zakat perniagaan dan pemberian bonus kepada pekerja-pekerja dipercayai memberi banyak pengaruh dan kesannya terhadap perniagaan yang diceburi oleh orang-orang Melayu. Keberkatan yang dicari boleh ditemui apabila bersifat pemurah, prihatin dan penyayang terhadap pekerja. Nilai-nilai ketelusan dan kejujuran akan terus diamalkan sekiranya seseorang peniaga itu menginginkan kejayaan dalam perniagaannya.

Pemberian bonus kepada pekerja-pekerja banyak juga berlaku dalam sistem perniagaan yang lebih komersial yang diceburi oleh bangsa-bangsa lain. Amalan ini merupakan satu permuafakatan dalam satu bidang

kerja yang menggalakkan pekerja-pekerja berdaya saing dan mempunyai motivasi yang tinggi terhadap kerjayanya. Walaupun konsep pemberian bonus yang dimaksudkan di sini lebih kepada pengagihan keuntungan perniagaan yang diberi mengikut prestasi kerja tetapi pengeluaran adalah sesuatu yang wajib diberikan sekiranya menepati syarat dan kiraannya mengikut fiqh Islam adalah berlainan sama sekali dengan konsep pengeluaran zakat yang mutlak namun pengertian dan tujuan kedua-duanya adalah sama iaitu untuk mengembangkan sayap perniagaan. Kebaikan-kebaikan dalam dua pengertian ini amat dipercayai mengundang banyak keberkatan dan limpahan rezeki kepada orang-orang yang mengamalkannya. Pelbagai bangsa mengamalkan perbuatan ini sekali gus menyangkal pendapat bahawa amalan ini akan menyusutkan harta atau didakwa sebagai penghalang kepada kemajuan dalam perniagaan. Lantaran konsep pengeluaran zakat perniagaan dalam Islam bukanlah suatu masalah yang menekan peniaga untuk mengembangkan perniagaannya setara dengan bangsa-bangsa lain memandangkan bangsa-bangsa lain itu juga telah mengamalkannya dengan pendekatan yang berbeza.

Kesimpulan

Konsep rezeki dan berkat yang dipegang oleh masyarakat Melayu dari zaman tradisi hingga kini adalah berpaksikan kepada peraturan nilai-nilai ajaran Islam. Peniaga-peniaga Melayu tidak terlepas daripada hubungan tiga hala iaitu hubungan antara manusia dengan Allah dan sesama manusia (Habluminaallah dan Habluminnas) yang merangkumi dalam konteks budaya masyarakat Melayu amat berharap untuk beroleh rezeki yang diberkati dengan

mendapat keuntungan perniagaan yang tinggi. Pelbagai perlakuan dan nilai yang baik perlu disemai seperti menginfaqkan harta bagi mendapatkan keberkatan dan kemurahan rezeki. Perumpamaan seperti 'rezeki secupak tidak akan jadi segantang' dilihat dari pandangan yang positif, iaitu mendorong mereka untuk bekerja keras serta gigih untuk mengubah nasib dan kadar rezeki. Perhitungan qada' dan qadar serta konsep rezeki secupak tidak akan segantang adalah satu pendorong untuk mengejar keuntungan. Beberapa kaedah seperti berhijrah dan merantau dari satu tempat ke satu tempat dilihat juga satu faktor pengubah nasib peniaga. Rezeki yang diberkati adalah dipercayai daripada sumber yang halal, bersih dan suci sebagaimana termaktub dalam ajaran Islam, limpahan rezeki yang diberikan dianggap satu nikmat untuk dikongsi bersama seperti mengeluarkan zakat atau sedekah. Konsep riba yang dilihat sebagai satu faktor yang memusnahkan sesebuah perniagaan, dikecam dan dihindari oleh para peniaga. Kedua-dua konsep ini adalah saling berkait dan saling mempengaruhi. Amalan-amalan yang dilakukan oleh peniaga-peniaga Melayu di kawasan perbandaran ini, lebih praktikal untuk menjelaskan bahawa konsep-konsep yang diutarakan bukanlah sekadar persepsi malahan perlu adanya amalan-amalan nilai yang baik dilaksanakan bagi mendapatkan rezeki yang halal dan diberkati. Konsep-konsep yang digunakan dalam penyelidikan ini amat mempengaruhi situasi dan status perniagaan seseorang peniaga makanan. Ternyata sekali persepsi mereka mengalami satu perubahan dan dilihat sebagai satu petanda baik bagi peniaga-peniaga Melayu untuk berkembang maju. Analisis dapat merumuskan kajian keperihalan konsep-konsep yang yang diutarakan dapat menjelaskan

lagi akan sejauhmana konsep-konsep tersebut memberi kesan dan mempengaruhi mereka dalam menjalankan perniagaan dan pelaksanaannya untuk mengekalkan atau memperluaskan perniagaan.